



Oleh Presiden Thomas S. Monson

Berkat Bait Suci

Apabila kita menghadiri bait suci, kita akan merasai satu dimensi kerohanian dan perasaan keamanan.

Saudara dan saudariku yang tersayang, saya bersyukur dapat bersama kamu pada pagi Paskah yang indah ini apabila fikiran kita berpaling kepada Juruselamat dunia. Saya menghulur kasih dan salam kepada semua dan berdoa agar Bapa di Syurga akan mengilhami kata-kata saya.

Persidangan ini menandakan tujuh tahun sejak saya disokong sebagai Presiden Gereja. Tahun-tahun tersebut teramatlah sibuk, dipenuhi bukan sahaja dengan beberapa cabaran tetapi juga dengan berkat yang banyak. Di antara berkat-berkat tersebut, yang paling suci dan menyeronokkan adalah kepeluang untuk mendedikasi dan pendedikasian semula bait suci.

Baru-baru ini, pada bulan November lepas saya berpeluang untuk mendedikasikan bait suci baru yang indah iaitu Bait Suci Phoenix Arizona. Saya disertai Presiden Dieter F. Uchtdorf, Elder Dallin H. Oaks, Elder Richard J. Maynes, Elder Lynn G. Robbins dan Elder Kent F. Richards. Pada petang sebelum pembaktian, satu sambutan kebudayaan yang hebat diadakan dimana 4,000 lebih remaja kita dari daerah bait suci memberi persembahan

yang cantik. Keesokkan harinya, bait suci didedikasikan dalam tiga sesi yang suci dan mengilhamkan.

Pembinaan bait suci adalah petunjuk jelas perkembangan Gereja. Kita sekarang mempunyai 144 bait suci yang beroperasi diseluruh dunia, 5 sedang diubahsuai dan 13 lagi dalam pembinaan. Tambahan pula, 13 bait suci yang telah diumumkan dahulu berada dalam pelbagai peringkat penyediaan sebelum pembinaan dimulakan. Tahun ini kami berharap untuk mendedikasi semula dua bait suci dan mendedikasi lima bait suci baru yang dijadualkan siap bina tahun ini.

Selama dua tahun yang lepas, kami telah menumpukan usaha untuk menyempurnakan bait suci-bait suci yang diumumkan sebelum ini, oleh itu menundakan sebarang rancangan untuk pembinaan bait suci baru. Namun, pagi ini, saya dengan sukacita ingin mengumumkan tiga bait suci yang akan di bina di lokasi-lokasi berikut: Abidjan, Ivory Coast; Port-au-Prince, Haiti; dan Bangkok, Thailand. Betapa hebat berkat yang akan diperoleh bagi ahli-ahli beriman di kawasan tersebut, dan jugalah bait suci-bait suci lain di seluruh dunia.

Proses untuk menentukan keperluan dan mencari lokasi untuk pembinaan bait suci yang lebih masih diteruskan, kerana kami menginginkan ahli-ahli berpeluang menghadiri bait suci tanpa pengorbanan masa dan sumber yang tinggi. Sepertimana kita telah lakukan dahulu, kami akan sentiasa memaklumkan keputusan-keputusan berkenaan perkara ini.

Apabila saya mengenangkan bait suci, saya terfikir akan banyak berkat yang diterima darinya. Apabila kita masuk melalui pintu bait suci. Apabila kita masuk melalui pintu bait suci, kita meninggalkan gangguan dan kekeliruan dunia. Di dalam kawasan perlindungan yang suci ini, kita menemui kecantikan dan aturan. Terdapat tempat rehat bagi jiwa kita dan penanguhan daripada kisah dalam hidup kita.

Apabila kita menghadiri bait suci, kita akan merasai satu dimensi kerohanian dan perasaan keamanan yang melangkaui perasaan-perasaan lain yang boleh datang ke hati manusia. Kita akan dapat memahami erti sebenar kata-kata Juruselamat apabila Dia berkata: "Kesejahteraan Aku tinggalkan dengan kamu; kesejahteraan-Ku sendiri yang Aku berikan kepada kamu. . . . Janganlah kamu risau dan janganlah takut."¹

Keamanan sebegitu boleh meresap ke dalam apa jua hati — hati yang dalam kesusahan, hati yang dibeban dengan kesedihan, yang keliru, hati yang merayu untuk ditolong.

Baru-baru ini saya mendapat tahu mengenai seorang lelaki muda yang menghadiri bait suci dengan hati yang merayu untuk dibantu.

Beberapa bulan sebelumnya, dia telah menerima panggilan untuk melayani misi di Amerika Selatan. Namun demikian, visanya telah ditangguhkan beberapa kali jadi dia di beri panggilan baru untuk melayani suatu misi di Amerika Syarikat. Walaupun dia kecewa kerana tidak dapat melayani misi asalnya, dia tetap bekerja kuat di kawasan barunya, berazam untuk berusaha dengan sepenuh hati. Kemudian, dia patah semangat kerana pengalaman negatif yang dialami dengan mubaligh-mubaligh yang lebih menginginkan keseronokkan daripada mengkongsikan Injil.

Beberapa bulan kemudian, lelaki muda ini menghadapi satu cabaran kesihatan serius yang menyebabkan dia separa lumpuh, dan perlu dihantar pulang untuk pulih.

Selepas beberapa bulan, lelaki muda ini sembuh sepenuhnya, sakit lumpuhnya hilang. Dia diberitahu bahawa dia boleh melayan semula sebagai mubaligh, satu berkat yang dia telah doakan setiap hari. Tetapi berita yang mengecewakan adalah dia harus pulang ke misi sama yang telah tinggalkan, di mana dia rasa tingkah laku dan sikap beberapa orang mubaligh adalah kurang daripada yang sepatutnya.

Dia telah datang ke bait suci untuk mencari ketenangan dan pengesahan bahawa dia boleh mengalami pengalaman yang baik sebagai mubaligh. Ibu bapanya juga telah berdoa bahawa lawatan bait sucinya akan memberi pertolongan yang diperlukan oleh anak mereka.

Apabila lelaki muda itu memasuki bilik selestial selepas sesi tersebut, dia duduk di kerusi dan mula berdoa untuk mendapat panduan daripada Bapa di Syurga.

Tidak lama kemudian, seorang lagi lelaki muda memasuki bilik selestial bernama Landon. Apabila dia memasuki bilik itu, pandangannya dengan serta-merta tertarik kepada lelaki muda yang duduk diatas kerusi, mata tertutup dan sememangnya

sedang berdoa. Landon memperoleh dorongan jelas bahawa dia harus bercakap dengan lelaki muda itu. Kerana tidak ingin mengganggu, dia menunggu. Beberapa minit berlalu dan lelaki muda itu masih berdoa, Landon tahu dia tidak dapat menengguh dorongan itu lagi. Dia menghampiri lelaki muda itu dan dengan lembut menyentuh bahunya. Lelaki muda itu membuka matanya, terkejut bahawa diganggu. Landon berkata dengan perlahan, "Saya terdorong untuk bercakap dengan kamu, tetapi saya tidak tahu kenapa."

Apabila mereka mula bercakap, lelaki muda itu meluahkan isinya kepada Landon, menerangkan keadaannya dan mengakhiri dengan keinginannya untuk mendapat ketenangan dan galakan berkenaan misinya. Landon, yang baru pulang daripada misi dengan jayanya tahun lepas, mengongsi pengalaman misinya, cabaran dan kerisauan yang dihadapi, bagaimana dia meminta pertolongan dari Tuhan dan berkat-berkat yang diterima. Kata-katanya menenangkan dan meyakinkan, dan semangat terhadap misinya amatlah berpengaruh. Lambat laun, ketakutan yang dirasakan reda, perasaan aman dirasai. Dia sangat bersyukur apabila dia sedar doanya sudah terjawab.

Mereka berdua berdoa bersama, dan Landon membuat persediaan untuk pulang, gembira dia telah mengikuti dorongan yang datang kepadanya. Apabila dia berdiri untuk pergi, lelaki muda itu bertanya Landon, "Di manakah kamu melayani misi?" Sehingga sekarang, mereka berdua belum menyebut kawasan misi mereka. Apabila Landon menjawab dengan memberi nama misinya, mata lelaki muda itu dipenuhi air mata. Landon telah melayani misi yang sama dengan yang akan dilayani lelaki muda itu!

Dalam suratnya baru-baru ini, Landon mengongsikan kata perpisahan lelaki muda itu kepada dia: "Saya mempunyai iman bahawa

Bapa di Syurga akan memberkati saya, tetapi saya tidak pernah bayangkan bahawa Dia akan menghantar seseorang yang telah melayani dalam misi saya untuk membantu. Saya tahu bahawa semua akan menjadi baik."² Doa seseorang dengan hati yang ikhlas telah didengari dan dijawab.

Saudara dan saudariku, dalam hidup kita akan mempunyai godaan; kita akan mempunyai ujian dan cabaran. Apabila kita pergi ke bait suci, apabila kita mengingati perjanjian yang dibuat, kita akan dapat mengatasi godaan dan menanggung ujian dengan lebih. Dalam bait suci, kita akan memperoleh keamanan.

Berkat-berkat bait suci adalah tidak ternilai. Satu-satunya berkat yang amat disyukuri setiap hari dalam hidup ialah apabila saya dan isteri tersayang saya, Frances berlutut di altar suci dan membuat perjanjian yang mengikatkan kami untuk selamanya. Tiada berkat lain yang lebih berharga bagi saya daripada keamanan dan ketenangan yang diperoleh daripada pengetahuan bahawa dia dan saya akan bersama semula nanti.

Semoga Bapa di-Syurga memberkati kita agar kita punyai roh untuk menyembah di bait suci, agar kita taat kepada perintah-perintah-Nya, dan agar kita mengikut jejak langkah Tuhan dan Juruselamat kita, Yesus Kristus. Saya bersaksi bahawa Dia ialah Penebus kita. Dia ialah Putera Tuhan. Dia-lah yang keluar dari kubur pagi Paskah pertama itu, membawa bersama-Nya kurniaan kehidupan abadi untuk semua anak Tuhan. Pada hari yang indah ini, sambil kita meraikan peristiwa bersejarah ini, semoga kita berikan doa syukur untuk kurniaan-Nya yang hebat dan menakjubkan. Semoga ia menjadi sedemikian, dengan rendah hati saya berdoa dalam nama suci-Nya, amin.

NOTA

1. Yohanes 14:27

2. Surat-menyurat hak Thomas S. Monson.

Ajaran-ajaran untuk Masa Kita

Dari Mei 2015 sehingga Oktober 2015, pelajaran pada hari Ahad keempat Imam Melkisedek dan Lembaga Pertolongan harus disediakan dari satu atau lebih ucapan yang diberi di persidangan umum April 2015. Pada Oktober, ucapan dapat dipilih dari antara persidangan umum April 2015 atau Oktober 2015. Presiden pancang dan daerah harus memilih ucapan untuk digunakan di kawasan mereka atau menugaskan tanggungjawab ini kepada uskup dan cabang presiden.

Ucapan-ucapan dalam banyak bahasa tersedia di conference.lds.org.



Oleh Presiden Dieter F. Uchtdorf
Penasihat Kedua di dalam Presidensi Utama

Kurnia Rahmat

Hari ini dan selama-lamanya rahmat Tuhan adalah tersedia kepada semua yang mempunyai sebuah hati yang hancur dan roh yang menyesal.

Pada Paskah Ahad, kita menyambut peristiwa yang gemilang dan paling lama ditunggu-tunggu dalam sejarah dunia.

Ia adalah hari yang mengubah segala-galanya.

Pada hari itu, kehidupan saya berubah.

Kehidupan anda berubah.

Takdir semua anak-anak Tuhan berubah.

Pada hari yang mulia itu, Juruselamat manusia, yang telah mengambil ke atas diri-Nya rantaian dosa dan kematian yang mengambil kita sebagai tawanan, memecahkan rantaian itu dan membebaskan kita.

Kerana pengorbanan Penebus terkasih kita, kematian tidak sengat, kubur tidak memperoleh kemenangan,¹ Syaitan tidak mempunyai kuasa yang berpanjangan, dan kita “diberi . . . harapan yang kukuh dengan *membangkitkan* Yesus Kristus daripada kematian.”²

Sesungguhnya, Rasul Paulus adalah betul apabila beliau berkata kita boleh “saling membesarkan hati dengan kata-kata ini.”³

Rahmat Tuhan

Kita sering bercakap tentang Korban tebusan Juruselamat — dan betul untuk berbuat demikian!

Dalam kata Yakub, “Mengapakah tidak berbicara tentang korban tebusan Kristus, dan mencapai suatu pengetahuan sempurna tentang-Nya?”⁴ Tetapi apabila kita “berbicara berkenaan Kristus, . . . berbahagia dalam Kristus, . . . berkhotbah berkenaan Kristus, [dan] bernubuat berkenaan Kristus”⁵ pada setiap peluang, kita tidak boleh kehilangan rasa kagum dan kesyukuran yang mendalam untuk korban abadi Putera Tuhan.

Korban tebusan Juruselamat tidak boleh menjadi perkara biasa dalam pengajaran kita, perbualan kita, atau di dalam hati kita. Ia adalah kudus dan suci, kerana melalui “korban yang agung dan terakhir” ini Yesus Kristus membawa “keselamatan kepada semua mereka yang akan percaya pada nama-Nya.”⁶

Saya berasa kagum memikirkan bahawa Putera Tuhan akan menu-runkan martabat untuk menyelamatkan kita, walaupun kita sering tidak sempurna, tidak suci, buat kesilapan,

dan tidak bersyukur. Saya telah cuba memahami Korban tebusan Juruselamat dengan fikiran terhad saya, dan satu-satunya penjelasan yang saya boleh fikirkan ialah ini: Tuhan mengasihi kita secara mendalam, dengan sempurna dan selamanya. Saya tidak boleh mula menganggar “betapa luas dan panjangnya serta betapa tinggi . . . kasih Kristus.”⁷

Luahan kuat cinta itu adalah apa yang kitab suci sering panggil *rahmat Tuhan* — bantuan ilahi dan anugerahan kekuatan di mana kita berkembang dari yang tidak sempurna dan makhluk terhad kita sekarang makhluk dimuliakan kebenaran dan cahaya, sehingga kita dimuliakan dalam kebenaran dan mengetahui segala sesuatu.⁸

Ia adalah satu perkara yang paling mengagumkan, rahmat Tuhan ini. Namun, ia sering disalah faham.⁹ Walaupun begitu, kita perlu tahu tentang rahmat Tuhan jika kita berhasrat untuk mewarisi apa yang telah disediakan untuk kita di dalam kerajaan abadi-Nya.

Untuk itu saya ingin bercakap tentang rahmat. Khususnya, pertama, bagaimana rahmat *membuka pintu-pintu syurga*, dan kedua, bagaimana ia *membuka tingkap-tingkap syurga*.

Pertama: Rahmat Membuka Pintu-pintu Syurga

Kerana kita semua telah “berdosa dan jauh daripada Tuhan,”¹⁰ dan kerana “tidak boleh apa-apa pun yang kotor masuk ke dalam kerajaan Tuhan,”¹¹ setiap daripada kita adalah tidak layak untuk kembali ke hadirat Tuhan.

Walaupun kita melayani Tuhan dengan sepenuh jiwa kita, ia adalah tidak cukup, kerana kita masih lagi “hamba yang tidak mengutungkan.”¹²

Kita tidak boleh mencari jalan kita ke syurga; tuntutan keadilan berdiri sebagai penghalang, yang kita tidak mampu mengatasi pada kita sendiri.

Tetapi semua tidak hilang.

Rahmat Tuhan adalah harapan besar dan kekal kita.

Melalui pengorbanan Yesus Kristus, rancangan belas kasihan memenuhi tuntutan keadilan¹³ “dan [mendatangkan] cara bagi manusia agar mereka boleh memiliki iman menuju pertaubatan.”¹⁴

Walaupun kamu merah marak kerana dosa kamu, boleh menjadi putih seperti salji.¹⁵ Kerana Juruselamat terkasih kita “menyerahkan diri-Nya untuk menyelamatkan manusia daripada dosa,”¹⁶ pintu masuk ke dalam kerajaan kekal-Nya disediakan kepada kita.¹⁷

Pintu tidak berkunci!

Tetapi rahmat Tuhan tidak hanya mengembalikan kita ke keadaan tak bersalah sebelum ini. Jika keselamatan hanya bermakna memadamkan kesilapan dan dosa-dosa kita, maka keselamatan — sebaiknya — tidak memenuhi aspirasi Bapa untuk kita. Matlamat-Nya lebih tinggi: Dia mahu anak-anak-Nya untuk menjadi seperti Dia.

Dengan kurnia rahmat Tuhan, jalan pengikutan tidak membawa ke arah belakang; ia membawa ke arah atas.

Ia membawa kepada tahap yang kita hampir tidak dapat memahami! Ia membawa kepada kemuliaan dalam kerajaan selestial Bapa Syurgawi kita, di mana kita, dikelilingi oleh orang yang disayangi, menerima kegenapan-Nya, dan kemuliaan-Nya.¹⁸ Segala sesuatu adalah milik kita dan kita adalah milik Kristus.¹⁹ Sesungguhnya, segala yang Bapa miliki akan diberikan kepada kita.²⁰

Untuk mewarisi kemuliaan ini, kita perlu lebih daripada satu pintu tidak berkunci; kita mesti masuk melalui pintu ini dengan keinginan hati untuk diubah—perubahan yang dramatik di mana kitab menggambar-kannya seperti “dilahirkan kembali; ya, dilahirkan oleh Tuhan, diubah daripada keadaan mereka yang

badaniah dan terjatuh, ke keadaan kesolehan, ditebus oleh Tuhan, menjadi putera dan puteri-Nya.”²¹

Kedua: Rahmat Membuka Tingkap-tingkap Syurga

Satu lagi elemen rahmat Tuhan adalah pembukaan tingkap-tingkap syurga, di mana Tuhan mencurahkan berkat kuasa dan kekuatan, yang membolehkan kita mencapai perkara-perkara yang jika tidak, adalah jauh dari jangkauan kita. Ia adalah melalui rahmat agung Tuhan yang anak-anak-Nya boleh mengatasi godaan penipu, bangkit di atas dosa, dan “disempurnakan di dalam Kristus.”²²

Walaupun kita semua mempunyai kelemahan, kita boleh mengatasinya. Sesungguhnya ia adalah dengan rahmat Tuhan yang, jika kita merendahkan hati kita dan beriman, hal-hal yang lemah boleh menjadi kuat.²³

Sepanjang hidup kita, rahmat Tuhan melimpahkan berkat duniawi dan kurnia rohani yang membesarkan kebolehan kita dan memperkayakan kehidupan kita. Rahmat-Nya menghalusi kita. Rahmat-Nya membantu kita menjadi diri kita yang terbaik.

Siapa Yang Layak?

Dalam Alkitab kita membaca lawatan Kristus ke rumah seorang Farisi bernama Simon.

Pada zahirnya, Simon seolah-olah seorang lelaki yang baik dan jujur. Dia sering memeriksa senarai dan menanda selesai tugas ibadatnya: dia mentaati undang-undang, bayar persepuluhannya, memelihara Sabat, berdoa setiap hari, dan pergi ke rumah saumaah.

Tetapi ketika Yesus bersama Simon, seorang wanita menghampiri, membasuh kaki Juruselamat dengan air matanya, dan menyapu kaki-Nya dengan minyak wangi.

Simon tidak berpuas hati dengan paparan ibadat ini, kerana dia tahun bahawa wanita ini seorang yang berdosa. Simon berfikir jika Yesus tidak tahu mengenai ini, Dia mesti bukanlah seorang nabi atau Dia

tidak akan membenarkan wanita itu menyentuhnya.

Melihat pemikirannya, Yesus berpaling kepada Simon dan bertanya soalan. “Ada dua orang lelaki berhutang kepada seorang peminjam wang: . . . seorang berhutang lima ratus keping wang perak, . . . seorang lagi lima puluh.

“Kedua-duanya tidak dapat membayar hutang. Oleh itu orang yang meminjamkan wang menghapuskan hutang mereka. Yang manakah akan lebih mengasihi dia?”

Simon menjawab bahawa ia adalah orang yang telah diampuni paling banyak.

Kemudian Yesus mengajar satu pengajaran yang mendalam: “Kamu nampak perempuan ini? . . . Dosanya yang banyak sudah diampunkan; *sesungguhnya, kasihnya besar*: jika seseorang menunjukkan kasih yang sedikit, hal itu bereti dia menerima pengampunan yang sedikit juga.”²⁴

Yang manakah kita seperti di antara dua orang ini?

Adakah kita seperti Simon? Adakah kita yakin dan selesa dalam perbuatan baik kita, percaya dalam kesolehan kita sendiri? Mungkinkah kita sedikit tidak sabar dengan mereka yang tidak hidup kepada standard kita? Adakah kita di dalam autopilot, buat sesuatu tanpa berfikir, mengahdiri mesyuarat kita, menguap di kelas Gospel Doctrine, dan memeriksa telefon bimbit semasa sakramen?

Atau adakah kita seperti wanita ini, yang menyangka dia benar-benar dan tanpa harapan kehilangan kerana dosa?

Adakah kita *cintai banyak*?

Adakah kita memahami hutang kita kepada Bapa Syurgawi dan merayu dengan semua jiwa kita untuk rahmat Tuhan?

Apabila kita berlutut untuk berdoa, adakah ia untuk memainkan semula tindakan kesolehan kita yang terbaik, atau adakah ia untuk mengakui dosa-dosa kita, merayu untuk belas kasihan Tuhan, dan menumpahkan air mata kesyukuran untuk rancangan penebusan yang agung?²⁵

Keselamatan tidak boleh dibeli dengan mata wang ketaatan; ia dibeli melalui darah Putera Tuhan.²⁶ Fikiran bahawa kita boleh berdagang kerja baik kita untuk keselamatan adalah seperti membeli tiket kapal terbang dan kemudian andaikan bahawa kita memiliki syarikat penerbangan itu. Atau fikiran bahawa selepas membayar sewa rumah, kita sekarang memegang hak milik ke atas seluruh planet bumi.

Maka Mengapa Patuh?

Jika rahmat adalah kurnia Tuhan, mengapa kepatuhan kepada perintah-perintah Tuhan sangat penting? Mengapa perlu ikut perintah-perintah Tuhan — atau bertaubat, dalam hal ini? Mengapa tidak hanya mengaku kita berdosa dan biarkan Tuhan menyelamatkan kita?

Atau, untuk meletakkan soalan ini dalam kata-kata Paulus, “Haruskah kita terus-menerus berbuat dosa supaya rahmat Tuhan semakin bertambah?” Jawapan Paulus jelas dan mudah: “Tentu tidak.”²⁷

Para saudara dan saudari, kita mentaati perintah-perintah Tuhan — kerana cinta kepada-Nya!

Cuba untuk memahami kurnia rahmat Tuhan dengan segala hati dan minda memberi kita lebih sebab untuk mencintai dan mentaati Bapa Syurgawi dengan kelembutan hati dan kesyukuran. Apabila kita jalan perjalanan pengikutan, ia memperhaluskan kita, ia meningkatkan kita, ia membantu kita menjadi lebih seperti-Nya, dan ia membawa kita kembali ke sisi-Nya. “Roh Tuhan yang Maha Kuasa” membawa kepada “perubahan yang hebat dalam diri kami, . . . sehingga kami tidak memiliki lagi kecenderungan untuk melakukan yang jahat, tetapi sentiasa melakukan yang baik.”²⁸

Oleh itu, ketaatan kita kepada perintah-perintah Tuhan datang sebagai hasil perkembangan cinta dan kesyukuran kekal kita untuk kebaikan Tuhan. Jenis cinta dan kesyukuran tulen ini akan menyambung

secara ajaib kerja-kerja kita dengan rahmat Tuhan. Hemah akan mengisi fikiranmu dengan tidak terhenti, dan keyakinan kita akan menjadi kuat di hadirat Tuhan.²⁹

ara saudara dan saudari terkasih, hidup Injil dengan iman bukanlah satu beban. Ia adalah latihan yang menggembirakan — satu persediaan untuk mewarisi kemuliaan besar keabadian. Kita berusaha mentaati Bapa Syurgawi kerana roh kita akan menjadi lebih terbuka kepada perkara-perkara rohani. Pandangan yang kita tidak tahu wujud akan dibuka. Penedaran dan pemahaman akan datang kepada kita apabila kita melakukan kehendak Tuhan.³⁰

Rahmat adalah kurnia Tuhan, dan keinginan kita untuk mentaati setiap perintah-perintah Tuhan adalah menjangkau tangan manusia kita untuk menerima kurnia kudus ini daripada Bapa Syurgawi kita.

Semua yang Kita Boleh Lakukan

Nabi Nefi membuat sumbangan penting kepada pemahaman kita tentang rahmat Tuhan apabila dia mengisytiharkan, “Kita bekerja tekun . . . untuk memujuk anak-anak kami, dan juga saudara-saudara kami, untuk percaya kepada Kristus, dan untuk diperdamaikan dengan Tuhan; kerana kita tahu bahawa *melalui rahmat kita diselamatkan, setelah kita melaksanakan sebaik yang mampu.*”³¹

Walau bagaimanapun, saya tertanya jika kadang-kadang kita menyalah tafsirkan ungkapan “setelah kita melaksanakan sebaik yang mampu.” Kita mesti faham bahawa “setelah” tidak sama dengan “kerana.”

Kita tidak diselamatkan “kerana” kita melaksanakan sebaik yang mampu. Ada siapa daripada kita melakukan *semua* baik yang mampu? Adakah Tuhan menunggu sehingga kita menggunakan segala usaha sebelum Dia akan campur tangan dalam kehidupan kita dengan rahmat penyelamatan-Nya?

Ramai orang merasa kecewa kerana mereka tidak sempurna.

Mereka tahu bahawa “memang ingin melakukan apa yang benar, tetapi tidak sanggup kerana tabiat manusia lemah.”³² Mereka meninggikan suara dengan Nefi dalam mengisytiharkan, “Jiwaku berasa pilu kerana kederhakaanku.”³³

Saya yakin Nefi tahu rahmat Juruselamat *membenarkan* dan *mbolehkan* kita mengatasi dosa.³⁴ Ini adalah mengapa Nefi bekerja tekun untuk memujuk anak-anak dan saudara-saudaranya “percaya kepada Kristus, dan diperdamaikan dengan Tuhan.”³⁵

Lagipun, *itu adalah* apa yang kita boleh lakukan! Dan *itu adalah* tugas kita dalam kefanaan!

Rahmat Tersedia untuk Semua

Apabila saya berfikir tentang apa Juruselamat buat untuk kita sebelum hari pertama Paskah Ahad, saya ingin mengangkat suara saya dan menjerit puji-pujian kepada Tuhan Maha Tinggi dan Putera-Nya, Yesus Kristus!

Pintu-pintu syurga tidak berkunci!
Tingkap-tingkap syurga dibuka!

Hari ini dan selama-lamanya rahmat Tuhan adalah tersedia kepada semua yang mempunyai sebuah hati yang hancur dan roh yang menyeseal.³⁶ Yesus Kristus telah membersihkan jalan untuk kita mencapai tahap pertumbuhan yang tidak difahami oleh minda manusia.³⁷

Saya berdoa bahawa kita akan melihat kepentingan abadi pengorbanan Juruselamat dengan mata baru dan hati yang baru. Saya berdoa bahawa kita akan menunjukkan cinta kepada Tuhan dan kesyukuran kita untuk kurnia rahmat Tuhan dengan mematuhi perintah-perintah-Nya dan dengan gembira “mengamalkan hidup yang baru.”³⁸ Dalam nama kudus Tuan dan Sang Penebus kita, Yesus Kristus, amin

NOTA

1. Lihai 1 Korintus 15:55; Mosia 16:8.
2. 1 Petrus 1:3; penekanan ditambah.
3. 1 Tesselonika 4:18; lihat juga ayat 13–17.
4. Yakub 4:12.
5. 2 Nefi 25:26.

6. Alma 34:10, 15.
7. Efesus 3:18 19.
8. Ajaran Dan Perjanjian 93:28.
9. Sesungguhnya kita adalah anak-anak kecil, dan . . . belum lagi memahami betapa besar berkat-berkat Bapa Syurgawi ada dalam tangan-Nya dan menyediakan untuk [kita] (Ajaran dan Perjanjian 78:17).
10. Roma 3:23.
11. 1 Nefi 15:34; lihat juga 1 Nefi 10:21; Musa 6:57.
12. Mosia 2:21.
13. Lihat Alma 42:15.
14. Alma 34:15.
15. Lihat Yesaya 1:18.
16. 1 Timotius 2:6.
17. Lihat 2 Petrus 1:11.
18. Ajaran dan Perjanjian 76:56.
19. Lihat Ajaran dan Perjanjian 76:59.
20. Lihat Ajaran dan Perjanjian 84:38.
21. Mosia 27:25.
22. Moroni 10:32.
23. Lihat Eter 12:27.
24. Lihat Lukas 7:36–50; penekanan ditambah.
25. Perumpamaan Kristus tentang orang Farisi dan pemungut cukai menggambarkan perkara ini dengan jelas (lihat Lukas 18:9–14).
26. Lihat Kisah Rasul-Rasul 20:28.
27. Roma 6:1–2.
28. Mosia 5:2.
29. Lihat Ajaran dan Perjanjian 121:45.
30. Lihat Yohanes 7:17.
31. 2 Nefi 25:23; penekanan ditambah.
32. Matius 26:41; lihat juga Roma 7:19.
33. 2 Nefi 4:17.
34. Lihat 2 Nefi 4:19 35; Alma 34:31.
35. 2 Nefi 25:23.
36. Lihat 3 Nefi 9:19 20.
37. Lihat 1 Korintus 2:9.
38. Roma 6:4.